

SPNB lulus lebih 50 peratus permohonan RMR1M



PENGERUSI SPNB Mesra Sdn Bhd, Datuk Mohamed Hasnan Che Hussin sedang melakukan gimik bagi pecah tanah dalam Majlis Penyerahan Sijil Kelayakan dan Inden Kerja (RMR1M) hari ini.
GAMBAR PEMBERITA NURAIKHA SHARIPUL BAHARI

KOTA BHARU 1 March -Sebanyak 92,645 permohonan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) dari seluruh negara diterima dan dinilai oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sejak 2002 hingga 31 Januari lalu dan daripada jumlah itu, sebanyak 49,679 unit telah diluluskan.

Setakat ini, sebanyak 41,890 unit telah berjaya disiapkan manakala 5,316 unit dalam proses pembinaan dan baki 2,473 masih di peringkat dokumen perjanjian.

Pengerusi SPNB Mesra Sdn. Bhd, Datuk Mohamed Hasnan Che Hussin berkata, bagi tempoh sama, sebanyak 30,914 permohonan telah ditolak dan 12,052 lagi masih dalam senarai menunggu.

Sementara itu katanya, dalam tempoh sama di Kelantan, sebanyak 11,670 permohonan diterima dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,149 permohonan telah diluluskan dengan 6,134 unit rumah telah berjaya disiapkan.

"Sebanyak 776 unit dalam proses pembinaan, 239 permohonan lagi sedang dalam peringkat dokumen perjanjian dan 1,423 pemohon pula masih dalam senarai menunggu.

"Sebanyak RM448.2 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan RMR1M di negeri ini dan daripada jumlah itu, sebanyak RM141.58 juta subsidi telah diberikan kepada pemohon yang layak," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Sijil Kelayakan dan Inden Kerja (RMR1M), di sini hari ini.

Dalam majlis itu, sebanyak 35 inden kerja RMR1M diserahkan kepada 10 kontraktor terpilih bagi peringkat Parlimen Kota Bharu.

Turut diadakan ialah majlis pecah tanah bagi sebuah rumah RMR1M milik salah seorang pemohon yang terlibat dalam kejadian kebakaran pada 16 Januari lalu sehingga menyebabkan rumahnya asalnya musnah. - UTUSAN ONLINE

Tag Berkaitan

Kemudahan dan Perkhidmatan Awam

Terkini

Kelantan